

## SIARAN MEDIA

### KPKT PROAKTIF WUJUDKAN RUANG INTERAKSI SOSIAL MELALUI KOMUNITI HUB KE ARAH MALAYSIA BERDAYA HUNI

---

**KUALA LUMPUR, 20 April 2024** – Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib mewakili Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan pembukaan Komuniti Hub kelima di Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda, Sentul, Kuala Lumpur pada hari ini.

Projek Komuniti Hub adalah usaha dan inisiatif MADANI dengan memberi penekanan khusus kepada komuniti B40. Sehingga kini, KPKT melalui inisiatif yang dikendalikan oleh URBANICE Malaysia telah membangunkan lima (5) buah Komuniti Hub iaitu di Kepong, Kuala Lumpur ; Ampang, Selangor; Durian Tunggal Melaka; Buntong, Ipoh dan yang terbaru di Batu Muda, Sentul, Kuala Lumpur. Pembangunan kesemua Komuniti Hub ini telah memberi manfaat kepada hampir 20,000 penduduk hasil daripada program-program kesejahteraan yang telah dijalankan.

Menurut YBhg. Datuk Wira KSU KPKT, “Komuniti Hub ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi ‘Ruang’ yang menghubungkan komuniti yang tinggal di kejiranan yang sama, bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang memupuk budaya hidup sihat dan mampu mengurangkan tekanan hidup di bandar yang semakin mencabar.”

Tambah beliau, “Inisiatif pembangunan Komuniti Hub ini merupakan salah satu usaha untuk memperkasakan komuniti bandar agar sejahtera, bahagia dan saksama dalam mencapai Malaysia Madani dan Agenda Perbandaran Mampan 2030 - yang memperjuangkan kesamarataan dan kesaksamaan dan “tiada yang akan ketinggalan kerana bandar adalah untuk semua””.

Selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri, antara elemen lain yang menarik di Komuniti Hab ini adalah penubuhan Kebun Dapur Komuniti atau *Community Garden Kitchen* yang membawa konsep memindahkan hasil tanaman kepada menu masakan yang boleh menjana pendapatan penduduk. Ia sebagai langkah intervensi jangka pendek yang bertujuan membantu penduduk untuk mengurangkan kos sara hidup melalui pengeluaran bahan makanan sendiri serta melatih untuk menjadi menjadi usahawan kecil yang berjaya. Kebun Komuniti di PPR Batu Muda juga menggunakan pendekatan penanaman *Permaculture* atau secara alami yang dilihat sangat *cost effective*. Dalam masa yang sama, kaedah tanaman moden melalui 'kaedah Fertigasi' turut diperkenalkan untuk meningkatkan nilai tuaian dan kepelbagaian tanaman.

PPR Batu Muda mempunyai seramai 10,500 orang penghuni yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu (68%), India (22%) dan Cina (8.5%). Pelbagai program latihan juga telah diadakan seperti Kursus Perkomposan Lalat Hitam, Latihan Kepimpinan Belia, serta program Usahawan Komuniti Berpendapatan Rendah yang menjadi nilai tambah dalam pemerkasaan komuniti ini.

KPKT melalui URBANICE Malaysia telah mengambil inisiatif kerjasama strategik bersama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan penaja utama komuniti hab ini iaitu Yayasan Hasanah. Oleh itu, pihak Kementerian berterima kasih kepada kedua-dua pihak yang telah membantu dalam usaha mengadakan ruang komuniti khas ini.

Program Komuniti Hab ini juga turut mendapat sokongan yang padu daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kampus Puncak Alam, Persatuan Penduduk PPR Batu Muda, Seeds Malaysia, Adab Youth Garage, Post Ark, dan beberapa individu dalam pelaksanaan pelbagai program pemerkasaan komuniti ke arah Malaysia berdaya huni.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:  
URBANICE Malaysia  
20 April 2024